

Kes curi kenderaan paling kerap dilaporkan di Petaling Jaya



KES kecurian kenderaan terutama motosikal paling kerap dilaporkan di daerah Petaling Jaya, Selangor.

PETALING JAYA – Kadar kes jenayah di daerah ini mencatatkan penurunan sebanyak 29.96 peratus dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini berbanding tempoh sama tahun lalu.

Ketua Polis Daerah Petaling Jaya, Asisten Komisioner Mohamad Fakhruddin Abdul Hamid berkata, sebanyak 2,333 kes direkodkan sejak 1 Januari hingga 28 Jun 2021 dan 1,634 kes dalam tempoh sama tahun ini iaitu menurun sebanyak 699 kes.

“Penurunan ini menunjukkan komitmen pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam menangani

jenayah khususnya di Petaling Jaya.

“Selain itu, pihak kami juga kini dalam usaha untuk meningkatkan persepsi positif masyarakat terhadap PDRM,” katanya selepas perhimpunan bulanan di Ibu Pejabat Polis Daerah Petaling Jaya di sini semalam.

Menurut Fakhruddin, jenayah yang paling kerap dilaporkan berlaku di daerah ini adalah kes mencuri kenderaan terutamanya motosikal.

“Lokasi ‘panas’ kes kecurian motosikal dikesan tertumpu di sekitar Projek Perumahan Rakyat

(PPR) seperti di Lembah Subang, Desa Mentari dan Taman Medan.

“Kita sentiasa mengadakan kempen di kawasan berkenaan dan bekerjasama dengan masyarakat setempat seperti persatuan penduduk, Kawasan Rukun Tetangga dan Ahli Majlis setempat,” ujarnya.

Terdahulu, pada perhimpunan tersebut, seramai dua anggota dinaikkan pangkat kepada sub inspektor, sarjan mejar (4) dan sarjan (14). Selain itu, beberapa anggota turut diberikan sijil penghargaan atas prestasi cemerlang masing-masing.